

13 NOV 1996

Mahathir-Kesihatan

SKIM INSURANS KESIHATAN DIKAJI

Oleh: Salmi Hashim

PORT-OF-SPAIN, 13 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan sedang menimbang skim insurans kesihatan yang membolehkan semua orang yang bekerja menyumbang terhadap penjagaan kesihatan awam yang kini disediakan secara percuma.

Beliau memberitahu 77 pelajar Malaysia yang mengikuti pengajian perubatan di University of West Indies di sini pada Selasa bahawa kerajaan tidak lagi mampu untuk membiayai sepenuhnya penjagaan kesihatan rakyat tanpa mereka sendiri menyumbang.

"Kita masih mencari jalan bagaimana untuk menampung keperluan golongan miskin. Di Malaysia, perkhidmatan yang disediakan adalah percuma tetapi di United Kingdom, mereka memotong amaun tertentu daripada pendapatan, yang bermakna mereka ini membayar dahulu," kata Perdana Menteri yang melakukan lawatan kerja dua hari ke republik ini.

Dr Mahathir berkata kos penjagaan kesihatan telah melambung dan wajarlah pendapatan pekerja dipotong untuk menyediakan penjagaan kesihatan.

Beliau berkata seseorang pesakit yang memerlukan ubat berharga RM5 sehari untuk sepanjang hayatnya atau seseorang pesakit yang memerlukan RM10,000 bagi pembedahan tidaklah menjadi beban sangat kepada kerajaan.

"Tetapi kita tidak dapat menyediakan rawatan mahal kepada setiap orang. Jadi, kita sedang memikirkan mengenai skim insurans kesihatan yang membolehkan setiap pekerja menyumbang dan menerima ubat-ubatan percuma," katanya.

Perdana Menteri berkata kerajaan bagaimanapun akan terus membantu golongan paling miskin yang memerlukan penjagaan kesihatan.

Beliau berharap golongan yang mampu akan mendapatkan rawatan dari hospital swasta dan membiarkan hospital kerajaan awam digunakan oleh mereka yang memerlukan.

Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali pula berkata dalam kerjaya perubatan, doktor wanita diberi peluang dan gaji yang sama rata.

Beliau turut mengimbas apabila Dr Mahathir diserang sakit jantung dulu, seorang wanita adalah doktor yang pertama merawatnya.

Kebanyakan mahasiswa universiti berkenaan merupakan bekas pelajar Kolej Tafe yang ditubuhkan oleh MIC.

Dr Mahathir kemudian berlepas ke French Guiana. -- BERNAMA

SAL MAI